

Bekalan petrol mencukupi

Kajang: Susulan pengumuman penurunan harga runcit petrol, 16 stesen minyak sekitar Kajang, Cheras dan Ampang diperiksa malam kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kajang Mohamad Sani Mohammad Nor berkata, pihaknya mengambil inisiatif itu bagi memastikan bekalan bahan kawalan berkenaan mencukupi.

"Pemeriksaan di 16 stesen minyak itu dilakukan

10 pegawai penguat kuasa Cawangan Kajang bermula jam 8 malam hingga jam 2.30 pagi.

"Hasil operasi dilakukan mendapati tiada stesen minyak yang diperik-
sa mengalami kekurangan bekalan bagi ketiga-tiga jenis petrol iaitu Ron 97, Ron 95 dan diesel,"

katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, manakala-

na pengusaha stesen minyak yang gagal mematuhi arahan menurunkan harga bahan kawalan itu boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencaturan 2011.

"Pengusaha stesen minyak juga dikehendaki memastikan bekalan bagi

ketiga-tiga jenis petrol berkenaan sentiasa mencukupi bagi mengelakkan tindakan

tegas dikenakan terhadap mereka mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Terdahulu, Kementerian Kewangan (MOF) mengumumkan harga runcit petrol RON95 turun 19 sen seliter, manakala RON97 turun 21 sen seliter berkuat kuasa tengah malam kelmarin hingga 13 Mac.

MOF dalam kenyataan kelmarin, memaklumkan harga RON95 dan RON97 bagi tempoh itu masing-masing adalah RM1.89 seliter dan RM2.19 seliter.

Sebanyak 16
stesen minyak
di Kajang, Cheras,
Ampang diperiksa